

Lebih selamat di kampus

Langkah elak risiko wujud kluster wabak baharu, terdedah jangkitan virus

Kuala Lumpur: Beberapa universiti awam (UA) di negara ini berpendapat penuntut harus terus kekal berada di kolej atau kampus kediaman masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga yang dilaksanakan sehingga 28 April ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata tindakan itu disifatkan paling selamat buat penuntut bagi mengelakkan risiko dijangkiti COVID-19 sepanjang perjalanan pulang atau ketika berada di kampung halaman.

Mengulas lanjut beliau berkata, jika semua penuntut UA dibenarkan pulang ke kampung masing-masing dalam tempoh ini, ia dikhuatiri berisiko mencipta kluster baharu terhadap wabak itu.

“Buat masa ini, kami menyokong Majlis Keselamatan Negara (MKN) bahawa penuntut patut tinggal di kampus dahulu sehinggalah satu kaedah terbaik dapat dilaksanakan untuk meminimumkan risiko mereka dijangkiti COVID-19.

“Sehingga kini belum ada satu modul yang jelas untuk mengurangkan risiko mereka. Jika dilihat dari aspek keselamatan, adalah lebih baik mereka kekal di kampus kerana mereka memang



M Iqbal Saripan

terjaga dengan makanan percuma diberikan,” katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Sehingga kini, M Iqbal berkata, kira-kira 2,200 penuntut UPM berada di kampus kediaman sejak 18 Mac lalu dan mereka semua kini didapati sihat tanpa sebarang simptom terhadap COVID-19.

Sementara itu, Ketua Pusat Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Azman Abas pula berkata, pihaknya memahami nilai sentimental yang ada pada ibu bapa berikutan mahu anak mereka pulang sempena sambutan Ramadan, tetapi kaedah terbaik ialah mendengar saranan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berpandangan penuntut perlu kekal di kampus kediaman di UA masing-masing.

Beliau berkata, selain diberi makanan dan keperluan asas, penuntut juga disediakan dengan kemudahan rawatan kesihatan oleh sembilan doktor bagi rawatan sakit ringan dan berat seperti darah tinggi, diabetes dan asma.

“Bayangkan jika semua penuntut dari 28 UA pulang semuanya, maka kita ada sekurang-kurangnya 30,000 penuntut yang akan bergerak ke kampung masing-masing dan ia dikhuatiri bo-



Aldrin Abdullah

leh mencipta gelombang baharu.

“Namun, jika akhirnya kerajaan membenarkan penuntut ini pulang, kita juga sudah mengambil langkah awal seperti menyediakan bas untuk hantar mereka ke kampung masing-masing,” katanya yang memberitahu UKM menyediakan pelbagai aktiviti seperti video senaman ringan bagi mengelakkan penuntut bosan.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 1,420 penuntut tempatan dan antarabangsa yang berada di kampus kediaman di UKM dan mereka sudah melepasi saringan COVID-19 pada 18 Mac lalu.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa PKP yang sepatutnya berakhir pada Selasa ini dilanjutkan hingga 28 April.

Susulan itu, KKM mengeluarkan kenyataan kelmarin menyarankan semua penuntut yang masih berada di kampus untuk tidak dihantar pulang ke kampung masing-masing buat masa ini.

Sementara itu Universiti Sains Malaysia (USM) juga mengeluarkan kenyataan semalam, menggalakkan penuntut untuk terus tinggal di dalam kampus walaupun jika pihak berkuasa membenarkan mereka pulang ke kampung dalam tempoh PKP.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni USM, Prof Dr Aldrin Abdullah, berkata gesaan itu dibuat berikutan pihak universiti meletakkan kepentingan masyarakat dan negara mengatasi yang lain tanpa mengambil ringan sebarang risiko yang ada jika penuntut pulang ke kampung masing-masing.

“Jika terdapat pengumuman rasmi dibuat oleh pihak berkuasa untuk penuntut boleh meninggalkan kampus semasa PKP masih berjalan atau selepas PKP dimansuhkan, USM menggalakkan mereka untuk terus tinggal di dalam kampus terutamanya bagi pelajar yang akan menghadapi kesukaran untuk mengikuti pembelajaran di dalam talian.

“Namun, sekiranya terdapat juga penuntut yang ingin pulang ke kampung halaman, pihak USM tidak bercadang untuk menyediakan sebarang perkhidmatan bas khas untuk menghantar mereka pulang buat masa ini.

“USM juga tidak akan menanggung sebarang kos pengangkutan bagi mereka yang pulang menaiki pengangkutan sendiri,” katanya.

Katanya, adalah wajar peraturan sedia ada dipatuhi demi kepentingan masyarakat dan negara dengan menyokong usaha gigih yang dibuat KKM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MKN menghadapi isu ini.

“Universiti sentiasa mengikuti secara dekat malah memahami perasaan penuntut dan ibu bapa dalam menghadapi situasi ini sama ada di desasiswa mahu pun yang berada di luar kampus.

“Universiti berusaha sebaik mungkin membantu penuntut supaya selesai, disajikan makanan yang baik dan mempunyai keperluan mencukupi,” katanya.